



FTeK lawat USQ bincang program dwi-ijazah Program Pengurusan Infrastruktur

Berita dan Foto oleh: DR. NURHIDAYAH AZMY

Satu lawatan kerja rasmi ke University of Southern Queensland (USQ), Australia telah dijalankan oleh Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK) yang diwakili Ketua Program Pengurusan Infrastruktur, Dr. Nurhidayah Azmy pada 7 Jun 2014 yang lalu dalam rangka lawatan berkunjung melawat universiti berkenaan.

Lawatan ini bertujuan untuk membincangkan secara terperinci akan hal-hal berkaitan program dwi-ijazah UMP bagi Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi (Pengurusan Infrastruktur) melibatkan kerjasama UMP dan USQ yang bakal ditawarkan universiti ini.

Hadir sama dalam perbincangan ialah Penggaris Eksekutif, Pembangunan dan Antarabangsa USQ, Profesor Dr. Talal Yusaf, Pengurus Hubungan Antarabangsa (Pasaran Baharu dan Rakan Kerjasama), Louis Fernandes, Ketua Sekolah Kejuruteraan Awam dan Kajian, Fakulti Kesihatan, Kejuruteraan dan Sains), Profesor Kevin McDougall dan pensyarah USQ, Profesor Madya Dr. Karu Karunasena dan Dr. Muhammad N. Mahmood.

"Aspek perbincangan dan pemerhatian yang dijalankan meliputi syarat kemasukan pelajar, kurikulum Program Pengurusan Infrastruktur, aspek pengajaran dan pembelajaran serta

tinjauan kemudahan dan fasiliti untuk pelajar yang disediakan oleh pihak USQ," katanya baru-baru ini.

Beliau turut berpeluang melawat makmal-makmal kejuruteraan awam dan Infrastruktur serta melakukan pemantauan pengajaran di kelas bagi mengenal pasti teknologi dan kaedah yang digunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Hasil lawatan ini membolehkan pihak fakulti memahami dan mendapatkan gambaran sebenar bagaimana program Pengurusan Infrastruktur ini dijalankan di universiti itu.

Menurut Dr. Nurhidayah, Profesor Talal telah melawat UMP pada awal tahun ini segala persiapan dan persediaan UMP dalam menawarkan program kerjasama ini telah sampai ke peringkat akhir terutamanya melibatkan perincian yuran dan struktur kurikulum.

Kedua-duanya dijangka sedang meyiapkan rangka Memorandum Perjanjian (MoA) yang dijadualkan akan ditandatangani dalam tempoh terdekat pada tahun ini. Kerjasama ini sangat bermakna bukan sahaja dalam penawaran program dwi-ijazah malahan bakal menjalankan lain-lain kerjasama untuk dimanfaatkan kedua-dua pihak.

